

## KAEADAH-KAEADAH PELUPUSAN MUSHAF AL-QUR'AN: SATU ANALISIS

*Muhammad Nasrul Azim Roslan (Corresponding author)*

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah,  
Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

E-mail: [nasrulazim.roslan@usas.edu.my](mailto:nasrulazim.roslan@usas.edu.my)

*Zulfahmi Mohamad*

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah,  
Bukit Chandan, 33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia

E-mail: [zulfahmi@usas.edu.my](mailto:zulfahmi@usas.edu.my)

---

### ABSTRAK

Dalam konsep pemeliharaan kalam Allah SWT, pelupusan mushaf al-Quran boleh dilakukan dengan beberapa kaedah yang telah ditetapkan oleh para ulama. Sungguhpun perkara ini penting, perlambakan mushaf al-Quran yang rosak dan tidak boleh digunakan lagi masih tidak dapat dibendung dalam proses pengurusan pelupusan mushaf al-Quran. Tujuan penulisan ini adalah untuk menerokai dan menganalisis pandangan dan fatwa berkaitan kaedah pelupusan mushaf al-Quran mengikut syarak yang boleh dilakukan sebagai kaedah alternatif dalam proses pelupusan mushaf al-Quran. Kajian ini berbentuk kualitatif dimana melalui kaedah analisis dokumen sebagai sumber pengumpulan data. Analisis perbandingan digunakan dalam kajian ini sebagai kaedah menghasilkan satu alternatif yang sesuai digunakan dalam aspek pelupusan teks mushaf al-Quran. Justeru keadah klasik yang dilakukan seperti yang direkodkan oleh Anas ibn Malik, Ibn Abu Daud dan Ibn Shihab selain dari rekod-rekod yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad turut dijadikan model perbandingan dalam kajian ini. Selain dari itu, garis panduan Jabatan Agama Islam Negeri dan fatwa-fatwa di Malaysia dan juga luar Malaysia berkaitan pelupusan mushaf al-Quran dikumpulkan dan dianalisis secara deskriptif dalam pengumpulan data ini. Analisis yang telah dilakukan mendapati bahawa empat kaedah pelupusan mushaf al-Quran telah dibincangkan oleh para ulama manakala penggunaan setiap kaedah ini dilakukan berdasarkan pandangan di negara masing-masing. Kajian ini membuka ruang untuk mengetengahkan beberapa kaedah yang boleh digunakan dalam proses pelupusan mushaf al-Quran di Malaysia dan berharap dapat membantu pihak-pihak tertentu dan juga masyarakat awam umumnya dalam proses pelupusan mushaf al-Quran.

**Kata kunci:** Pelupusan mushaf al-Quran, kaedah pelupusan, fatwa.

---

### PENGENALAN

Pemeliharaan mushaf al-Quran sangat penting dalam kehidupan sebagai seorang muslim. Proses pemeliharaan ini dapat dilihat seawal zaman nabi Muhammad SAW yang memelihara dalam konsep hafalan dan juga tulisan ketika itu. Dapat dilihat juga, proses ini diawali pada era pemerintahan Saidina Abu Bakar dalam proses pengumpulan mushaf al-Quran. Kemudian disusuli

pada era pemerintahan Saidina Uthman bin Affan dalam proses pengumpulan penulisan dalam Mushaf Uthmani dan juga pelupusan mushaf yang terjadinya pertelingkahan umat pada ketika itu.

Pemeliharaan mushaf al-Quran dapat dilihat daripada beberapa aspek seperti penghafalan, penulisan, pengumpulan dan juga pelupusan. Kajian yang tertumpu kepada aspek pelupusan ini disoroti dengan sejarah yang berlaku pada era pemerintahan Saidina Uthman bin Affan yang telah memerintahkan beberapa orang sahabat untuk melupuskan al-Quran dengan kaedah membakar. Hadith yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari menjelaskan kaedah pelupusan mushaf ketika zaman itu adalah menggunakan kaedah pembakaran. Hal ini adalah sebagaimana mafhum hadith yang diriwayatkan (*Sahih al-Bukhari*, V.4, H.4702)

Maksudnya:

“Setelah kerjaya mereka selesai dalam menulis menjadi beberapa mushaf, Uthman mengembalikan mushaf yang asal itu kepada Hafsah. Selanjutnya Uthman menghantarkan mushaf-mushaf baru tersebut ke pelbagai wilayah, dan ianya memerintahkan agar segala al-Qur'an atau mushaf yang lain daripadanya dibakar”.

Dalam kitab *Fath al-Bāri*, al-'Asqalani (2013) mendatangkan perbahasan mengenai perbezaan kalimah dalam riwayat iaitu kalimah بُرْقَ و بُرْقٍ. Perbezaan kalimah ini menjadi tumpuan bahawa kaedah ini bukan tertumpu pada kaedah pembakaran sahaja, akan tetapi ia juga terbahagi kepada beberapa kaedah yang lain. Saad Abdul Aziz (1439H) dalam kajiannya iaitu *Itlāf Aurāq al-Mushaf wa I'adāt Tasni'i thā* mengemukakan isu pandangan dalam perbahasan kalimah ini bahawa para sahabat bukan membakar suhūf yang ada pada sisi mereka, tetapi mereka menghancurkannya. Hal ini bermakna bahawa perbezaan kalimah dalam periwayatan ini menggambarkan ada beberapa kaedah yang boleh digunakan dalam proses pelupusan.

Kalimah yang menunjukkan kaedah pembakaran banyak digunakan dalam riwayat yang berkaitan pelupusan mushaf al-Quran ini. Hal ini didapati melalui riwayat yang digunakan oleh Abu Qilabah, al-Ismā'iliyy, Ibnu Abu Daud, al-Tabrani dan selainnya (al-'Asqalani 2013). Namun, perbezaan kalimah yang terdapat dalam penjelasan ini menunjukkan bahawa ia bukan tertumpu kepada kaedah pembakaran sahaja, namun ada terdapat kaedah lain yang boleh melupuskan mushaf al-Quran dengan riwayat dan pandangan ulama yang lain.

## KAJIAN LITERATUR

Kajian mendapati bahawa pengkajian berkaitan pelupusan mushaf al-Quran ini banyak tertumpu kepada pengkajian berkenaan kaedah pembakaran yang digunakan dan juga pengurusan-pengurusan institusi tertentu dalam menguruskan pelupusan ini. Fatin Mahfuzah (2015) telah mengaitkan pengurusan pelupusan mushaf yang sering dipraktikkan di Malaysia tertumpu kepada satu teknik, iaitu teknik pembakaran dan juga pembuangan abu ke dalam laut. Beliau menambah

juga bahawa terdapat kelemahan pada pengurusan dan pelaksanaan seperti kelonggaran pada akta pelupusan al-Quran, ketiadaan tempat dan peralatan pelupusan al-Quran yang canggih, kos kewangan yang tinggi bagi menampung perbelanjaan dan kekurangan tenaga kerja yang mahir yang telah menyebabkan lambakan teks-teks al-Quran tidak dapat dibendung. Begitu juga dengan kajian yang dilakukan oleh Siti Aisyah (2019), beliau menunjukkan dapatannya yang menjadi halangan dalam menguruskan pelupusan iaitu kekurangan kekuatan tenaga kerja dan masalah kos kewangan yang menyebabkan masalah lambakan mushaf al-Quran kesan daripada banjir besar.

Musharraf Hussain (2012) telah mengambil beberapa pandangan fatwa yang menyatakan dan mengesyorkan kitar semula kertas teks suci tersebut. Antara pandangan yang dinukilkan antaranya adalah sekiranya teks suci dapat dihilangkan atau dipadamkan, maka tiada masalah untuk menggunakan semula kertas tersebut. Bidang teknologi hijau menjadi perkaitan dan dapat menyumbang dalam ketamadunan Islam dalam memelihara alam sekitar. Norizan Hassan et.al (2016) menyatakan ilmu teknologi hijau dapat memberi ruang kepada muslim untuk meneroka bidang ini dengan berilmukan al-Quran dan al-Sunnah dan seterusnya dapat menyumbang kepada kelestarian alam sekitar yang menghasilkan manfaat kepada generasi masa kini dan masa depan. Kepentingan dan kebaikan daripada perawatan teknologi hijau dapat dilihat dalam meminimumkan pencemaran alam sekitar. Iskandar Hasan (2015) menyatakan teknologi hijau dapat membantu memelihara dan meminimumkan kesan buruk kepada alam sekitar. Apabila menggunakan teknologi hijau, kesan negatif terhadap alam sekitar adalah minimum. Ia dapat meningkatkan dan melindungi ekosistem dan kepelbagaiannya hidup, meningkatkan kualiti udara dan air, mengurangkan pembuangan bahan tercemar dan melindungi sumber semula jadi. Maka, kebaikan yang dapat dilihat menerusi perawatan teknologi hijau ini dapat dijadikan sebagai satu inisiatif kepada masyarakat atau organisasi dalam melestarikan alam sekitar.

Berdasarkan situasi itu, keperluan kajian berkenaan analisis fatwa kaedah-kaedah pelupusan mushaf al-Quran ini perlu ditekankan agar dapat menemui solusi baharu yang dapat membendung lambakan teks tersebut. Jafri Abdullah (2019) mempersoalkan dan menekankan apakah kaedah yang efisyen yang boleh menyelesaikan terhadap masalah lambakan dan pencampuran teks al-Quran dengan bahan yang lain dalam proses pelupusan berikutnya kaedah pelupusan yang terhad kepada kaedah pembakaran sahaja. Oleh itu, kajian ini akan menumpukan beberapa kaedah dalam pelupusan yang telah digariskan dan boleh membantu dalam mencari alternatif baharu dalam proses pelupusan mushaf al-Quran.

## **KEPELBAGAIAN KAEDAH PELUPUSAN MUSHAF AL-QUR'AN**

Pelbagai kaedah pelupusan mushaf al-Quran telah dibincangkan oleh para ulama dunia amnya. Hal ini menunjukkan bahawa kaedah pelupusan ini bukan tertumpu kepada satu kaedah sahaja. Perbincangan kaedah ini akan melibatkan kepada pandangan para ulama dan perbezaan pandangan setiap mazhab yang akan menjelaskan kaedah-kaedah yang akan disebut.

Kaedah pembakaran merupakan kaedah yang selalu dipraktikkan dalam pelupusan mushaf al-Quran. Kaedah ini merupakan ijтиhad yang dilakukan oleh Saidina Uthman ketika berlakunya

pertelingkahan umat ketika itu dalam perbezaan bacaan mushaf masing-masing. Fatin Mahfuzah (2015) mengatakan bahawa ijтиhad yang dilakukan ini atas keperluan keadaan dan demi kebaikan umat. Melalui kaedah ini, terdapat beberapa dalil yang menjadi sandaran kepada kaedah pelupusan mushaf al-Quran yang menggunakan kaedah pembakaran. Antaranya ialah:

أَنَّ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ فِي جَمْعِ عُثْمَانَ الْمَصَاحِفِ قَالَ: إِذَا اخْتَلَفْتُمُ أَنْتُمْ وَرَبِّنِيْدُ بْنِ ثَابِتٍ فِي شَيْءٍ مِّنَ الْقُرْآنِ فَاقْتُلُوهُ بِلِسْانِ قُرْيَشٍ، فَإِنَّمَا نَزَّلَ بِلِسْانِهِمْ فَقَعُلُوا حَتَّىٰ إِذَا نَسَحُوا الصُّحْفَ فِي الْمَصَاحِفِ، رَدَّ عُثْمَانُ الصُّحْفَ إِلَى حُفْصَةِ، وَأَرْسَلَ إِلَى كُلِّ أُفْقٍ بِمُصْحَّفٍ مِّمَّا نَسَحُوا، وَأَمَرَ بِمَا سِوَاهُ مِنَ الْقُرْآنِ فِي كُلِّ صَحِيقَةٍ أَوْ مُصْحَّفٍ، أَنْ يُحْرَقَ

Maksudnya:

Daripada Anas bin Malik dalam pengumpulan mushaf di zaman ‘Uthman, ‘Uthman berkata: “Bila kamu berbeza pendapat dengan Zaid bin Thabit mengenai sesuatu daripada al-Quran, maka tulislah dengan bahasa Quraisy, kerana al-Quran diturunkan dalam bahasa Quraisy.” Mereka melaksanakan perintah itu. Setelah kerjaya mereka selesai dalam menulis menjadi beberapa mushaf, Uthman mengembalikan mushaf yang asal itu kepada Hafsah. Selanjutnya Uthman menghantarkan mushaf-mushaf baru tersebut ke pelbagai wilayah, dan ianya memerintahkan agar segala al-Quran atau mushaf yang lain daripadanya dibakar. (*Sahih al-Bukhari*, V.4, H.4702)

Berdasarkan dalil ini, jelas bahawa ijтиhad yang dibuat oleh Saidina Uthman pada ketika itu adalah dengan menggunakan kaedah pembakaran. Perbuatan Saidina Uthman ini disepakati dan tiada dalam kalangan sahabat yang mengingkari perbuatan tersebut. Sebagaimana yang telah disebut dalam riwayat daripada Mus‘ab bin Sa‘ad (*Sahih, Ibn Abu Daud*, H.41):

قال مصعب بن سعد: أدركت الناس متوفرين حين حرق عثمان المصاحف فأعجبهم ذلك، أو قال: لم يذكر ذلك  
منهم أحد

Maksudnya:

Mus‘ab bin Sa‘ad berkata, “Aku dapati manusia banyak hadir semasa Uthman membakar mushaf-mushaf dan mereka gembira dengan perbuatan itu. Tidak seorang pun daripada mereka mengingkarinya.”

Ulamak yang membawa pandangan dalam keutamaan kaedah pembakaran telah dinyatakan oleh al-Zarkashi (1998) dalam kitabnya *al-Burhān fi ’Ulūm al-Qur’ān* dan juga al-Suyuti (t.t) dalam kitabnya *al-Itqān fi ’Ulūm al-Qur’ān*. Kedua pandangan ini menyatakan bahawa kaedah pembakaran lebih diutamakan berbanding kaedah lain. Hal ini sebagaimana yang telah disebutkan dalam kitab keduanya ini:

إِنَّ الْإِحْرَاقَ أَوَّلَ مِنَ الْعُسْلِ لِأَنَّ الْغُسَالَةَ قَدْ تَقَعُ عَلَى الْأَرْضِ

Maksudnya:

“Sesungguhnya pembakaran lebih diutamakan berbanding basuhan kerana air basuhan akan jatuh di tanah.”

Terdapat beberapa pandangan mazhab yang menjelaskan beberapa kaerah lain yang boleh digunakan dalam pelupusan mushaf al-Quran antaranya kaerah penanaman, rendaman dan juga carikan. Kesemua kaerah ini meliputi pandangan mazhab yang menjelaskan kesemua kaerah ini boleh digunakan dalam proses pelupusan pada masa kini. Al-Buhuti (1046H) yang bermazhab Hanbali menyatakan dalam kitabnya *Kashaf al-Qanā'* berkenaan kaerah penanaman. Dalam kitabnya ini, beliau menerangkan Imam Ahmad menyebut bahawa Abu al-Jauza' memiliki al-Quran yang sudah lama dan menanam di tempat solatnya.

ذَكَرَ أَحْمَدُ أَنَّ أَبَا الْجَوْزَاءِ بَلَى لَهُ مُصْحَفٌ فَحَفَرَ لَهُ فِي مَسْجِدِهِ فَدَفَنَهُ

Maksudnya:

Imam Ahmad menyebut bahawa Abu al-Jauzaie' memiliki al-Quran yang sudah usang. Kemudian beliau menggali tanah di tempat solatnya dan menanamkannya di sana.

Selain itu, antara kaerah lain yang digunakan dalam proses pelupusan adalah kaerah rendaman. Kaerah ini adalah merupakan satu kaerah yang dapat menghilangkan tulisan-tulisan ayat al-Quran. Berlaku peristiwa yang dilakukan oleh Saidina Uthman bin 'Affan dalam memerintahkan untuk menghapuskan tulisan mushaf. Hal ini sebagaimana dalam riwayat yang dinukilkan oleh Abu Qilabah dalam kitab *al-Masāhīf* (*Ibn Abu Daud. H.75*) :

فَلَمَّا فَرَغَ مِنَ الْمُصْحَفِ، كَتَبَ إِلَى أَهْلِ الْأَمْصَارِ: إِنِّي قَدْ صَنَعْتُ كَذَّا وَكَذَّا، وَمَحَوْتُ مَا عِنْدِي، فَامْحُوا مَا عِنْدُكُمْ

Maksudnya:

Ketika Uthman selesai menyalin mushaf, dia menulis kepada penduduk negeri-negeri. “Sesungguhnya aku telah melakukan begini dan begitu, dan aku telah menghapus apa yang ada padaku, maka hapuslah apa yang ada pada kalian”.

Pada periwayatan ini, kalimah *المحو* (*al-Mahwu*) yang menjadi perbincangan makna tentang kaerah yang digunakan dalam melupuskan mushaf al-Quran. Saad Abdul Aziz (1439H) mengatakan bahawa kepelbagaiannya kaerah pelupusan mushaf al-Quran merupakan perkara *ta'ddud* dalam kalangan sahabat. Hal ini kerana sebahagian mereka ada yang membakarnya dan ada juga yang menghilangkan dengan air. Dalam riwayat ini, kalimah *al-Mahwu* memberi makna penghapusan yang umum kepada apa yang ditulis. Walau bagaimanapun, kebanyakan riwayat dikaitkan penghapusan ini dengan cara pembakaran. Namun, Al-'Asqalani (2013) menukil

pandangan daripada Iyadh bahawa penghapusan itu benar-benar hilang melalui basuhan kemudiannya membakar.

Kaedah carikan atau koyak ini merupakan kaedah baharu pada masa kini yang menggunakan mesin alat pengisar. Hal ini adalah kerana kaedah ini akan menjadikan kalimah tulisan ayat al-Quran ini tidak lagi terbentuk seperti mana kaedah pembakaran dilakukan, maka itu adalah dibolehkan (Saad Abdul Aziz 1439H). Beliau menambah juga bahawa terdapat perbezaan hukum dalam penggunaan kaedah ini. Antaranya adalah tidak dibolehkan dengan menggunakan kaedah ini sekiranya koyakan itu menggunakan tangan. Namun, sekiranya ada alatan terkini yang mampu memotong atau menghancurkan sehingga tidak ada lagi perkataan atau kalimah yang kekal, maka itu dibolehkan.

Dalam kitab *Fath al-Bārī* oleh al-‘Asqalani (2013), terdapat riwayat daripada Ibnu Shihab yang menunjukkan adanya perbuatan melupuskan lembaran mushaf yang terdapat padanya ayat al-Quran dengan menggunakan kaedah koyakan. Menurut al-‘Asqalani (2013) juga, Ibnu Abu Daud juga meriwayatkan dalil berkenaan kaedah ini melalui jalur Yunus bin Yazid. Dalil yang menunjukkan keterangan ini adalah:

عَنْ أَبِي شِهَابٍ قَالَ أَخْبَرَنِي سَالِمُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ قَالَ كَانَ مَرْوَانُ يُرْسِلُ إِلَى حَفْصَةَ يَعْنِي حِينَ كَانَ أَمِيرَ الْمَدِينَةِ مِنْ جَهَةِ مُعَاوِيَةَ يَسْأَلُهَا الصُّحْفَ الَّتِي كُتِبَ مِنْهَا الْقُرْآنُ فَتَأْبِي أَنْ تُعْطِيهِ قَالَ سَالِمٌ فَلَمَّا تُؤْفَيْتُ حَفْصَةً وَرَجَعْتُ مِنْ دَفْنِهَا أَرْسَلَ مَرْوَانُ بِالْعَرْبِيَّةِ إِلَى عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ لَيْرُسِلَنَّ إِلَيْهِ تِلْكَ الصُّحْفَ فَأَرْسَلَ إِلَيْهِ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عُمَرَ فَأَمَرَهُ مَرْوَانُ فَشَفِقَ فَقَالَ إِنِّي فَعَلْتُ هَذَا لِأَنِّي حَشِيتُ إِنْ طَالَ بِالنَّاسِ زَمَانٌ أَنْ يَرْتَابَ فِي شَأْنٍ هَذِهِ الصُّحْفِ مُرْتَابٌ

Maksudnya:

Daripada Ibnu Shihab, beliau berkata: Salim bin Abdullah bin Umar memberitahu kepadaku, dia berkata, “Marwan pernah mengirim utusan kepada Hafsah iaitu ketika dia menjadi pemimpin Madinah atas perintah Muawiyah. Beliau meminta kepada Hafsah lembaran-lembaran yang ditulis daripadanya ayat al-Quran, tetapi Hafsah tidak mahu menyerahkannya.” Salim berkata, “Ketika Hafsah meninggal dan kami baru sahaja kembali dari mengebumikannya, Marwan mengirim utusan kepada Abdullah bin Umar agar mengirimkan lembaran-lembaran tersebut kepadanya. Maka Abdullah bin Umar pun mengirimkannya, lalu Marwan memerintahkan agar lembaran-lembaran itu dihancurkan. Dia berkata, “Aku melakukan ini kerana aku khuatir bila telah berlalu masa yang lama, akan ada orang-orang yang meragukan lembaran-lembaran ini. (*Sahih al-Bukhari*, , V.4, H.4702)

## ANALISIS PANDANGAN ULAMAK DAN FATWA PELUPUSAN MUSHAF AL-QUR'AN

Penjelasan kepelbagaian kaedah pelupusan mushaf al-Quran telah dibincangkan berdasarkan dalil-dalil yang diriwayatkan berkenaan cara melupuskan lembaran mushaf al-Quran. Pengumpulan empat kaedah pelupusan mushaf al-Quran ini dapat dilihat melalui empat kaedah:

- 1) Kaedah pembakaran yang disebut oleh Anas bin Malik.
- 2) Kaedah basuhan atau rendaman yang diriwayatkan oleh Ibnu Abu Daud.
- 3) Kaedah penanaman yang disebut oleh Imam Ahmad.
- 4) Kaedah carikan atau koyakkan yang disebut oleh Ibnu Shihab dalam periwatananya.

Kaedah-kaedah pelupusan mushaf al-Quran ini adalah bertujuan untuk memelihara daripada kehinaan. Syeikh Kamil Uwaaidah (2007) menukilkan kata daripada Syeikh Ibnu Uthaimin yang mengatakan bahawa wajib ke atas setiap muslim untuk menghormati, mengagungkan al-Quran dan juga menghalang daripada dihina. Dalam kitab *al-Tibyān fi Adāb Hamlah al-Qur'an* pula, Imam al-Nawawi (t.th) mengatakan bahawa menghina al-Quran adalah salah satu dari pintu-pintu murtad. Ibnu Batal juga menerangkan hadith yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik berkaitan pembakaran mushaf dalam (*Sahih al-Bukhari*, V.4, H.4702) adalah sebagai kehormatan atau memuliakannya daripada dipijak.

في هذا الحديث جواز تحريق الكتب التي فيها اسم الله بالنار وأن ذلك إكرام لها وصون عن وطئها بالأقدام

Maksudnya:

Hadith tersebut menjadi dalil bahawa harus membakar dengan api buku-buku yang di dalamnya terdapat nama Allah SWT sebagai menghormati atau memuliakannya serta memelihara daripada dipijak.

Kaedah pembakaran adalah kaedah disepakati dan banyak digunakan di negara dalam melupuskan mushaf al-Quran. Al-'Asqalani (2013) berkata, kaedah pembakaran banyak terdapat melalui riwayat yang telah disebut, maka ia adalah disepakati. Selain itu juga, melalui fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan menjelaskan bahawa kaedah pembakaran ini merupakan amalan yang dipraktikkan dan diamalkan dalam negara Islam. Fatwa yang telah diputuskan dalam Muzakarah Fatwa Kebangsaan Malaysia pada tahun 1992 menyatakan bahawa kaedah pelupusan al-Quran yang rosak, koyak, tidak boleh dibaca dan bukan Rasm Uthmani dilupuskan dengan menggunakan kaedah pembakaran (JAKIM 2008). Panduan pengurusan yang dilakukan oleh Bahagian Penyelidikan, Jabatan Agama Islam Negeri juga dikeluarkan dan menjadikan kaedah pembakaran sebagai kaedah pelupusan mushaf al-Quran seperti JAWI (t.t), dan Jabatan Agama Islam Negeri Johor (2002).

Seterusnya, terdapat beberapa kitab yang mengumpulkan fatwa-fatwa yang berkaitan pelupusan mushaf al-Quran. Abu Anas Solahuddin (2005) dalam kitab yang disusunnya *Fatāwā al-'Ulama Hawla al-Qur'an al-Karīm* mengemukakan jawapan daripada *Fatwā al-Lajnah al-*

*Da 'imah* tentang kebolehan membakar kertas-kertas akhbar yang mengandungi ayat al-Quran atau hadith Nabi atau selainnya berdasarkan kewajiban untuk menghormatinya. Begitu juga dalam kitab *Majmu' Fatāwā* oleh Syeikh Salih Fauzan (2003) mengatakan bahawa tidak mengapa untuk membakar dan menanam mushaf yang tidak boleh memberi manfaat lagi pada tempat yang suci dengan berdasarkan bahawa ini perbuatan sahabat RA.

Tindakan ini dilakukan sebagaimana yang disebut dalam riwayat:

..إِنِّي قَدْ صَنَعْتُ كَذَا وَكَذَا، وَمَحَوْتُ مَا عِنْدِي، فَأَخْمُوا مَا عِنْدَكُمْ

Maksudnya:

“Sesungguhnya aku telah melakukan begini dan begitu, dan aku telah menghapus apa yang ada padaku, maka hapuslah apa yang ada pada kalian”. (*Ibn Abu Daud. H.75*)

Menurut al-'Asqalani (2013) yang menukil pandangan daripada Iyadh bahawa penghapusan itu benar-benar hilang melalui basuhan kemudiannya membakar. Walau bagaimanapun, kaedah ini merupakan kaedah yang pernah digunakan pada zaman ketika dahulu. Berdasarkan kitab *Hāshiyatā Qalyūbi wa 'Umayrah* nisbah kehormatan al-Quran apabila dipadam akan terputus, maka kehormatan itu tidak lagi kekal atas nama mushaf al-Quran (al-Qalyubi 1995). Hal ini sebagaimana yang terdapat dalam kitab ini seperti berikut:

وَلَوْ تُحِبِّتُ أَخْرِفُ الْقُرْآنِ مِنَ اللَّوْحِ وَالْوَرَقِ بِحِبْسٍ لَا تُفْرَأُ لَمْ يَحْمِمْ مَسْهُمَا وَلَا حَمْنَهُمَا لِأَنَّ شَانَةَ اِنْقِطَاعِ النِّسْبَةِ عُرْفًا

Maksudnya:

Sekiranya dipadamkan huruf-huruf al-Qurandaripada lembaran dan kertas sehingga tidak lagi dapat untuk membacanya, tidak haram bagi seseorang itu untuk memegangnya dan membawanya kerana sesungguhnya keadaan kehormatan mushaf sudah terputus.

Kaedah amalan di Malaysia, kaedah yang sering dipraktikkan dalam pelupusan mushaf al-Quran adalah dengan menggunakan kaedah pembakaran. Namun, kaedah rendaman juga telah diputuskan bahawa kaedah ini boleh digunakan dalam proses pelupusan mushaf al-Quran. Hal ini telah dinyatakan dalam fatwa oleh Majlis Agama Islam Negeri Selangor bahawa kaedah nyahdakwat (biodeinking) boleh digunakan dalam melupuskan al-Qur'an dan bahan cetakan agama melalui proses *deinking* (JMNS 2015).

Kaedah penanaman juga termasuk dalam kaedah-kaedah yang dibincangkan dalam proses pelupusan mushaf al-Quran. Tujuan kaedah penanaman ini adalah untuk menghindari dari pada pijakan dan hinaan ayat-ayat yang mengandungi kalam Allah SWT dan juga hadith nabi Muhammad SAW. Syeikh Muhammad Ibrahim (1399H) dalam kitabnya *Fatāwā wa Rasā'il* menjawab persoalan kaedah yang sesuai jika terdapat lembaran mushaf yang usang dan koyak. Beliau menjawab bahawa kaedah yang sesuai adalah menanamnya di masjid dan di tempat yang

suci. Selain itu, kaedah ini merupakan qiyas kepada kaedah penanaman jasad seorang mukmin yang perlu ditanam di tempat yang terpelihara. Syeikh Taqiu al-Din (2004) menyatakan kaedah penanaman mushaf al-Quranini memerlukan kepada tempat yang memuliakan mushaf al-Quran itu sendiri dan terhindar dari najis dan galian.

Pengumpulan fatwa yang terkandung dalam menjelaskan bahawa kaedah penanaman mushaf al-Quran yang usang di tempat yang suci atau juga membakarnya adalah tidak menjadi suatu masalah. Antara fatwa yang dapat dilihat melalui kitab yang dikarang iaitu *Fatāwā wa Rasā'il*, *Fatāwā Nur ḥala al-Darb* oleh Syeikh Abdul Aziz bin Baz dan Syeikh Ibnu Uthaimin dan juga *Majmū' Fatāwā* oleh Syeikh Solih Fauzan.

Kaedah carikan atau koyak dalam melupuskan mushaf al-Quran memerlukan kepada alatan canggih. Alatan canggih yang digunakan bertujuan untuk menjadikan helaian mushaf al-Quranhancur dan tidak meninggalkan kalimah tulisan al-Quran yang asal. Terdapat larangan dalam menggunakan kaedah carikan ini adalah kerana menyatakan bahawa kaedah ini menafikan kehormatan dan bercanggah dengan keagungan mushaf al-Quranitu sendiri. Namun, Saad Abdul Aziz (1439H) menyatakan bahawa kaedah yang disusuli dengan tujuan sebagai pemeliharaan mushaf al-Quran, ianya tidak menafikan kehormatannya.

Dalam menggunakan kaedah carikan atau koyak berkaitan proses pelupusan mushaf al-Quran, ianya perlu dilakukan seiring dengan syarat bahawa setiap potongan itu mestilah dijadikan potongan yang sekecilnya sehingga ia tidak lagi kekal dan terbentuk dalam kalimah mahupun huruf. Syarat yang telah dibincangkan ini terdapat dalam fatwa-fatwa yang disebut di negara Kuwait dalam kitab *Fatāwā Qitā'i al-Iftā'i bi al-Kuwait*, *Fatāwā Nur ḥala al-Darb* dan juga *Majmū' Fatāwā*. Saad Abdul Aziz (1439H) menukilkan pandangan daripada Syafi'iyyah bahawa adapun larangan dalam menggunakan kaedah ini adalah kerana menggunakan tangan yang masih boleh mengekalkan kalimah ataupun huruf. Namun, pada zaman kini terdapat alatan canggih seperti mesin pengisar yang mampu untuk menghancurkan kertas kepada bahagian yang sangat kecil sehingga tidak lagi terbentuk sesuatu yang jelas pada helaian tersebut. Maka, alatan ini selari dengan syarat yang telah digariskan dalam fatwa yang disebut dalam menggunakan kaedah carikan atau koyakan ini dalam proses pelupusan mushaf al-Quran.

## KESIMPULAN

Pelupusan mushaf al-Quran merupakan satu perkara penting yang perlu dipelihara agar kalam suci mukjizat itu tidak dihina dan diletakkan di kedudukan yang rendah. Kajian mendapati bahawa sungguhpun kaedah pembakaran merupakan teknik atau kaedah yang selalu dipraktikkan di kebanyakan negara amnya, namun pelupusan mushaf al-Quran ini dapat dilakukan dengan pelbagai kaedah lain yang telah dibincangkan dalam perbincangan ini.

Di Malaysia, kaedah pembakaran merupakan kaedah yang digunakan dalam proses pelupusan mushaf al-Quran dan pengkajian terdahulu mendapati wujudnya beberapa kelemahan proses pengurusan pelupusan mushaf al-Quran dengan menggunakan kaedah ini. Penggunaan

kaedah lain seperti rendaman, koyakkan, penanaman adalah merupakan kaedah yang perlu dilihat keberkesanannya demi membantu kelemahan pengurusan yang sedia ada. Perbincangan setiap kaedah yang dijelaskan dengan pandangan para ulama dapat membantu dalam menganalisis pandangan dan fatwa berkaitan pelupusan mushaf al-Quran ini. Perbincangan kaedah-kaedah pelupusan mushaf ini berharap dapat memberi satu solusi yang terbaik dalam proses pengurusan pelupusan di negara Malaysia demi membendung lambakan teks cetakan al-Quran seterusnya dapat memelihara alam sekitar di persada zaman ini.

## **RUJUKAN**

- Al-‘Asqalani, al-Hafiz Shihabuddin. 2013. *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*. Berut: al-Risalah al-‘Alamiyyah.
- Al-Buhuti, Mansur bin Yunus. 1046H. *Kashaf al-Qana’ ‘an Matn al-Iqna’*. Riyadh: Maktabah al-Nasr al-Hadithah
- Al-Duwaish, Ahmad bin Abdul Razaq. T.th. *Fatawa al-Lajnah al-Daimah li al-Buhuth al-Ilmiah wa al-Iftai*.
- al-Syuwairikh, Saad Abdul Aziz. 1439H. *itlaf auraq al-mushaf wa i’adat tasni’ ha. Dirasat Fiqhiyyah Tatbiqiyyah*. Saudi. Universiti Imam Muhammad bin Su’ud al-Islamiyyah
- Al-Sijastani, Abdullah Sulaiman. 2002. *Kitab al-Masahif*. Beirut: Dar al-Basyair al-Islamiyyah.
- Al-Suyuti. Jalal al-Din bin Abdul Rahman. T.th. *Al-Itqan fi Ulum al-Qur’an*. Qaherah:Dar al-Turath.
- Al-Zarkasyi, Badr al-Din Muhammad bin Abdullah. 1988. *Al-Burhan fi Ulum al-Qur’an*. Beyrut:Dar al-Jalil.
- Fatin Mahfuzah Mohd Yusof. 2015. *Pengurusan Pelupusan Teks-Teks al-Qur’an di Negeri Selangor dan Permasalahannya*. Tesis Sarjana. Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Iskandar Hasan Tan Abdullah. 2015. *Teknologi Hijau Tingkat Kualiti Hidup, Pacu Ekonomi Negara*. 13 March. <https://www.bharian.com.my/node/40615>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2008. *Garis Panduan Pembuatan, Pengendalian, Penjualan Dan Pelupusan Bahan-Bahan Penerbitan Dan Perhiasan Yang Mengandungi Ayat-Ayat Suci Al-Qur’an*. Putrajaya: JAKIM.
- Jabatan Mufti Negeri Selangor. 2015. *Fatwa Pelupusan al-Qur’an dan Bahan Cetakan Agama Berteknologi Hijau Melalui Proses ‘Deinking’*.

Manna al-Qattan. 1998. *Mabahith fi Ulum al-Qur'an*. Beirut:Risalah Publishers

Musharraf Hussain. 2012. *Recycling Papers with Sacred Text*. 22 September.

<https://www.musharrafhussain.com/recycling-papers-with-sacred-text/>

Norizan Hassan, Hussin Salamon & Hasimah Abdul Rahman. 2016. *Sumbangan Teknologi Hijau Dalam Ketamadunan Islam*. Sains Humanika 8:3–2 (2016) 29–37. Johor:UTM Press.

Siti Aisyah Ab Gani & Mohd Nazri Ahmad. 2019. *Proses Pengurusan Pelupusan Teks-Teks Al-Qur'an di Jabatan Agama Islam Negeri Johor: Peranan Pihak Yang Bertanggungjawab Dan Permasalahannya*. International Journal of West Asian Studies. Vol. 11, No. 1, (pp 45-57)

Syeikh Muhammad bin Ibrahim. 1399H. *Fatawa wa Rasail*. Makkah

Syeikh Kamil Uwaidah. 2007. Pntrjmh al-Hasani, Basri Ibrahim. *Himpunan Fatwa-Fatwa Semasa daripada Zaman Salafus Soleh Sehingga ke Zaman Ulama Masa Kini*. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publication

Syeikh Salih Fauzan. 2003. *Majmu' Fatawa*. Riyadh:Dar Ibnu Khuzaimah.

Solahuddin Mahmud. 2005. *Fatawa al-'Ulama Hawla al-Qur'an al-Karim*. Iskandariah: Dar al-Iman